



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## **LARIAN MAPPA XX TAHUN 2025 WILAYAH SELATAN DAN JB NEON: “GAYA HIDUP SIHAT PEMANGKIN AGENDA MADANI”**

---

**JOHOR BAHRU, JOHOR 16 OGOS 2025** – Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memastikan kesejahteraan hidup masyarakat terjamin serta memiliki tahap kesihatan yang baik, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) buat julung kalinya menganjurkan Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) Tahun 2025 Wilayah Selatan. Larian ini adalah merupakan finale kepada penganjuran Program Larian MAPPA Ke-20 bagi Tahun 2025.

Penganjuran Larian MAPPA XX Tahun 2025 Wilayah Selatan berkolaboratif dengan program *JB Neon Recreational Night*, Majlis Perbandaran Johor Bahru (MBJB) telah mendapat sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Johor. Penganjuran Larian ini juga turut mendapat sinergi dari pelbagai rakan strategik seiring dengan pendekatan “ASSOCIATED”, iaitu “whole of-nation” dan “INTEGRATED” iaitu “whole-of government” termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Penjara Kluang, Majlis Perbandaran Kluang, Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Manakala kerjasama strategik pihak swasta yang turut mendokong penganjuran larian ini adalah Bank Simpanan Nasional (BSN), Affin Bank, WARDAH, Hektar Reit, Decathlon, SWCorp serta beberapa penaja yang lain. Kebersamaan pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta dalam penganjuran program ini adalah cerminan erat jalinan kerjasama yang utuh demi mendukung agenda nasional berpaksikan nilai-nilai MADANI.

Penyertaan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat turut mendapat sambutan dan sokongan daripada YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir bersama YBhg. Datuk Dr. Mohd. Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) mewakili Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah INTAN serta mendapat sokongan padu

YB Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, Setiausaha Kerajaan Johor dan YBrs. Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan, Setiausaha MBBJ yang mewakili Datuk Bandar Johor Bahru.

### **GAYA HIDUP SIHAT PEMANGKIN AGENDA MADANI**

Larian MAPPA XX Tahun 2025 Wilayah Selatan dan JB *Neon* yang berlangsung di Dataran Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melibatkan penyertaan lebih 2,800 orang peserta, merangkumi warga perkhidmatan awam dan masyarakat dari seluruh Wilayah Selatan iaitu Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Larian ini turut melibatkan penyertaan khas daripada 55 orang Warga Orang Kurang Upaya (OKU) daripada Persatuan Rakan Celik PIPI dan Persatuan Sokongan OKU Johor Bahru.

Pelepasan larian bermula pada pukul 8.45 malam telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara bagi dua (2) kategori larian iaitu 5KM *Fun Run* dan 1.5KM *Fun Walk*. Bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan, Pertandingan Bintang Kemilau MAPPA bertemakan MAPPA Semarak Merdeka dianjurkan bagi peserta 1.5KM *Fun Walk*.

Lebih daripada sekadar acara riadah, Larian MAPPA XX Tahun 2025 Wilayah Selatan dan JB *Neon* menjadi simbol iltizam pegawai awam dan masyarakat untuk kekal sihat, aktif dan minda cergas demi masa depan negara yang lebih mampan. Membudayakan gaya hidup sihat juga diterjemahkan dengan memastikan kesihatan fizikal, mental serta emosi secara menyeluruh melalui pembudayaan keseronokan bekerja seharian di pejabat.

### **MAPPA MOVE: FROM TRACK TO TECH**

Menyokong aspirasi sebagai institusi pembelajaran sektor awam yang unggul ke arah reformasi perkhidmatan awam kepada yang lebih dinamik mengikut peredaran masa kini, IKWAS mengambil inisiatif untuk memperkenalkan penggunaan teknologi *Virtual Reality* (VR) dalam aktiviti pembelajaran. Pelaksanaan latihan menggunakan teknologi ***Virtual Reality* (VR)** iaitu pembelajaran yang ditransformasikan menjadi lebih interaktif, imersif dan berkesan sebagai pelengkap kepada kaedah konvensional. Inisiatif ini selari dengan aspirasi INTAN untuk kekal sebagai **peneraju pembangunan kompetensi penjawat awam era digital**, sejajar dengan agenda reformasi perkhidmatan awam dan pembentukan modal insan bertaraf dunia.

### **PERPADUAN DINAMIK SATU PASUKAN**

Penganjuran program ini secara kolaboratif ini memperteguh komitmen dan memperkasa kesejahteraan dan gaya hidup sihat, selaras dengan aspirasi

untuk merakyatkan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkualiti dan berimpak tinggi. Di samping acara larian, pelbagai aktiviti seperti pameran reruai yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan turut dianjurkan. Sebanyak 17 pempamer yang terlibat termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Johor, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Jabatan Pendaftaran Negeri Johor, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dan pelbagai lagi agensi yang terlibat.

Program Jualan Rahmah MADANI turut diadakan bagi memberi peluang kepada peserta dan komuniti mendapatkan barangan keperluan harian dengan tawaran diskaun istimewa. Program seperti ini menjadi jambatan hubungan yang kukuh antara rakyat dan institusi kerajaan, sekali gus menggalakkan penyertaan aktif dalam suasana yang lebih terbuka dan menyeluruh.

### **IMPAK LARIAN MAPPA XX TAHUN 2025 WILAYAH SELATAN DAN JB NEON**

Larian MAPPA XX Tahun 2025 Wilayah Selatan dan JB Neon bukan sekadar acara riadah, tetapi medan strategik yang mengangkat aspirasi nasional melalui penyertaan penjawat awam, industri swasta dan komuniti setempat. Ia memupuk nilai kesihatan, kebersamaan dan patriotisme selari dengan Malaysia MADANI serta Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

Pelaksanaan kolaboratif merentas agensi dan sektor industri membentuk sinergi tinggi, memperkukuh tadbir urus, mempererat kerjasama strategik, serta mewujudkan interaksi sihat antara kerajaan dan rakyat. Acara ini menjadi wadah komunikasi dasar, penyatuan komuniti dan manifestasi semangat nasionalisme bertepatan dengan sambutan Bulan Kebangsaan.

Secara keseluruhan, Larian MAPPA XX Tahun 2025 Wilayah Selatan dan JB Neon bukan sekadar langkah fizikal, tetapi langkah strategik dalam membina bangsa iaitu sebuah perjalanan transformasi bersama menuju negara maju dan mampan.

####

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 16 Ogos 2025  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (22)